

Universiti sebagai penciptaan, pembangunan dan penyebaran inovasi

Oleh S.CONNIEPEARL SUIL & NURSYAHRINA MATBEH

utusanborneokk@yahoo.com.my

UB 25.05.2012 B4

KOTA KINABALU: Universiti harus dilihat sebagai satu institusi utama yang kritikal dalam penciptaan, pembangunan dan penyebaran inovasi.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig. Jen. Profesor Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon berkata, inovasi merupakan cetus idea kreatif yang mampu membantu meningkatkan kualiti serta produk penyampaian perkhidmatan.

Katanya, ia merupakan suatu proses apabila sesuatu idea baru diterjemahkan ke dalam bentuk barangan dan perkhidmatan.

“Idea-idea baru dan pendekatan kreatif amat diperlukan dalam usaha menjayakan sesuatu

transformasi.

“Justeru, inovasi hendaklah diterapkan dalam pembudayaan kerja sektor awam. Dengan adanya pembudayaan inovasi di dalam cara dan etika kerja, para pekerja secara amnya mampu mengangkat sesebuah institusi ke tahap yang membanggakan.

“Oleh itu, saya berharap agar jabatan dan agensi kerajaan sentiasa mengaplikasikan inovasi dan berusaha menggunakan idea baru bagi membuat sesuatu perubahan,” katanya ketika Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf UMS (Maksums) 2011,” di sini kelmarin.

Dalam pada itu, seramai 1,395 orang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 30 menerima Anugerah Inovasi.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Maksums 2011, Datuk Abdullah Hj. Mohd Said



KAMARUZAMAN (dua, kanan) menyampaikan sijil Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada Felix Agus. Turut kelihatan, Abdullah (dua kiri).

berkata, Maksums merupakan manifestasi dan komitmen pihak pengurusan universiti bagi menghargai sumbangan dan kecemerlangan kakitangan UMS.

“Objektif majlis ini

adalah untuk mengiktiraf, menghargai dan memperingati sumbangan serta perkhidmatan cemerlang para kakitangan, pentadbiran, akademik mahupun pesara di UMS,”

katanya.

Tambahnya, terdapat 16 anugerah yang disampaikan antaranya Anugerah Perkhidmatan Terpuji, Jasamu Dikenang dan Anugerah Jasa Bakti.